

07/08/2002

Bonus bagi pekerja setia munasabah

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menganggap cadangan pemberian bonus dua bulan untuk kakitangan awam yang taat kepada kerajaan suatu yang relevan dan baik dilaksanakan.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam berkata, pemberian bonus sedemikian baik sebagai penghargaan kepada kakitangan yang menjalankan tanggungjawab mereka kepada kerajaan.

Katanya, pihaknya mengalu-alukan cadangan itu dan percaya imbuhan seperti itu meningkatkan lagi kesetiaan kakitangan awam dalam menjalankan tugas masing-masing.

"Kita patut bagi bonus kepada mereka yang benar-benar bekerja untuk kerajaan dan mendokong semua dasar yang dibawa kerajaan," katanya mengulas mengenai cadangan pemberian bonus kepada kakitangan awam yang setia kepada kerajaan.

Semalam, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dilaporkan berkata, hanya kakitangan awam yang setia layak menerima imbuhan itu berbanding mereka yang menentang dasar kerajaan secara terbuka.

Bagaimanapun, katanya, itu tidak bermakna kerajaan menghalang kakitangan awam menyokong mana-mana parti politik, sebaliknya mereka perlu mengikut perintah ketika menjalankan tugas.

Siva berkata, beliau percaya cadangan itu bukan berbaaur politik dan menghalang orang untuk membabitkan diri dalam mana-mana parti politik.

Katanya, apabila memperkatakan kesetiaan, kakitangan awam itu sepatutnya taat dengan majikannya iaitu kerajaan tidak kiralah ia kerajaan yang diperintah parti pemerintah atau pembangkang.

"Kalau kakitangan itu bekerja dengan kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu sudah tentunya ia perlu taat setia dengan kerajaan Pas begitu juga jika pekerja itu bertugas dengan Kerajaan Pusat maka dia perlu patuh pada arahan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Kita lihat cadangan pemberian bonus itu sebagai positif dan menganggap ia sebagai imbuhan di atas kesetiaan kepada kerajaan," katanya.

Ditanya kemungkinan cadangan itu menyekat prestasi kerja kakitangan awam, beliau berkata, kesetiaan juga adalah sebahagian daripada ukuran prestasi kerja.

Katanya, jika seseorang pekerja itu melakukan tanggungjawabnya dengan prestasi yang baik maka secara tidak langsung membuktikan kakitangan awam itu setia.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan akan mengkaji permintaan Cuepacs untuk mendapatkan bonus bagi kakitangan awam.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kesediaan untuk mengkaji tidak bermakna kerajaan sudah bersetuju untuk memenuhi permintaan Cuepacs itu.

Sebelum ini, Cuepacs meminta kerajaan memberi 960,000 kakitangan kerajaan bonus sebanyak dua bulan gaji tahun ini kerana yakin dengan kemampuan kerajaan berikutan pertumbuhan ekonomi negara.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan dilaporkan berkata permohonan Cuepacs mengenai bonus itu sudah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, baru-baru ini.